



KEMENTERIAN KERJA RAYA MALAYSIA

BAHAGIAN PENGURUSAN SUMBER MANUSIA
TINGKAT 14, BLOK B, KOMPLEKS KERJA RAYA
JALAN SULTAN SALAHUDDIN
50580 KUALA LUMPUR

Warganegara Malaysia yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan adalah dipelawa untuk memohon bagi mengisi kekosongan jawatan di Kementerian Kerja Raya Malaysia seperti berikut:

**1. JAWATAN : TUKANG K3 - TUKANG PAIP
TUKANG K3 - TUKANG KAYU
TUKANG K3 - TUKANG BATU/SIMEN
TUKANG K3 - CAT/TULIS
TUKANG K3 - TUKANG MESIN PAM AIR
TUKANG K3 - PENGILAP**

- a) GRED : R9
b) KLASIFIKASI PERKHIDMATAN : PERKHIDMATAN MAHIR /
SEPARUH MAHIR / TIDAK MAHIR
c) KUMPULAN PERKHIDMATAN : SOKONGAN
d) TARAF JAWATAN : TETAP
e) BILANGAN KEKOSONGAN : 41
f) JADUAL GAJI : P1T1 RM721.02 - P1T21 RM1626.04
P2T1 RM763.49 - P2T21 RM1709.28
P3T1 RM807.59 - P3T21 RM1794.23

2. SYARAT LANTIKAN

Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut:

- (a) warganegara Malaysia;
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan;
(c) (i) tamat Tingkatan III sekolah menengah rendah bantuan penuh kerajaan; atau
(ii) pekerja-pekerja dalam perkhidmatan Pekerja Rendah Awam, Pekerja Rendah

Awam Khas, Pemandu Kenderaan Bermotor, Operator Loji dan Pemandu/Operator Jentera Pemunggah yang telah disahkan dalam perkhidmatan;

- (d) (i) mempunyai Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2 dalam bidang ketukangan yang berkenaan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh kerajaan; atau
- (ii) lulus Ujian Kemahiran dalam bidang ketukangan yang berkenaan (sama ada yang mempunyai atau tidak mempunyai piawaian MLVK) yang dijalankan atau diperaku oleh ketua perkhidmatan sebagai setaraf dengan Sijil Kemahiran Malaysia Peringkat Pertengahan/Sijil Kemahiran Malaysia Tahap 2.

(Gaji permulaan ialah pada Gred R9 : P1T2); dan

- (e) berkebolehan bertutur, membaca dan menulis dalam Bahasa Malaysia dengan memuaskan.

3. SYARAT-SYARAT PERMOHONAN

- (a) Permohonan boleh dibuat dengan melayari terus melalui Laman Web : www.jobsmalaysia.gov.my
- (b) Tarikh tutup permohonan adalah pada **10 Julai 2009**;
- (c) Hanya calon-calon yang **layak selepas tapisan sahaja** akan dipanggil untuk temuduga;
- (d) Pemohon-pemohon yang **tidak menerima jawapan selepas tiga (3) bulan** dari tarikh tutup iklan adalah dianggap tidak berjaya;
- (e) Pemohon-pemohon yang pernah sebelum ini memohon jawatan di atas dikehendaki mengemukakan permohonan semula dengan lengkap, jika masih berminat; dan
- (f) Pihak Kementerian Kerja Raya Malaysia tidak akan bertanggungjawab atau menanggung segala perbelanjaan berkaitan dengan urusan ini.